

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN PRABAKARAN A/L M
PARAMESWARAN [BATU]**

TARIKH : 5 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan lebih daripada jumlah 2,000 borang permohonan bantuan JKM (WPKL) masih tertangguh bagi tahun 2020 oleh kerana pekerja sedang bercuti, apakah tindakan kementerian bagi menangani masalah yang sedang berlaku?

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga Oktober 2020, jumlah penerima bantuan kewangan di Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) adalah seramai 11,656 orang yang melibatkan pelbagai skim bantuan persekutuan dengan perbelanjaan melebihi RM33.9 juta. Berdasarkan statistik JKM sehingga 16 Oktober 2020, bilangan permohonan baru yang diterima oleh JKM WPKL adalah sebanyak **3,265** permohonan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **930** kes telah selesai disiasat dan telah diberi kelulusan. Baki permohonan yang sedang dalam siasatan dan belum lagi diselesaikan adalah sebanyak **2,335** kes.

Ini adalah beberapa kekangan yang dihadapi oleh kakitangan JKM WPKL adalah seperti berikut:

- 1) Terdapat permohonan yang diterima adalah tidak lengkap dan menyebabkan JKM perlu menyusul semula dengan pemohon untuk melengkapkan borang permohonan tersebut;
- 2) Kebanyakan pegawai dan kakitangan di JKM WPKL turut menjalankan tugas sebagai 'frontliners' COVID-19 dengan mengedarkan bakul makanan kepada penduduk setempat yang memerlukan;
- 3) Mereka juga bertugas di pusat kuarantin sepanjang tempoh PKP/PKPP/PKPB/PKPD; dan
- 4) Nisbah beban tugas pegawai JKM dengan kes adalah agak tidak seimbang iaitu 1 nisbah 500 hingga 600 kes (1:500-600 kes).

Oleh yang demikian, adalah tidak wajar untuk mengatakan pegawai JKM bercuti sedangkan tugas-tugas tersebut perlu dilaksanakan 24 jam sehari, tujuh (7) hari seminggu. Kita sangat menghargai pengorbanan yang telah dilakukan oleh semua pegawai-pegawai JKM.

Bagi mengatasi masalah tunggakan permohonan tersebut, satu pasukan *task force* telah ditubuhkan pada 20 Oktober 2020 bagi menyelesaikan kes-kes tertunggak dan dijangka dapat diselesaikan sebelum penghujung tahun ini.

SOALAN NO. : 04

Untuk makluman tambahan kepada Ahli Yang Berhormat, Kementerian sedang melaksanakan kajian dan penstrukturan semula bagi melihat beban tugas pegawai dan kakitangan JKM dan telah mengadakan perbincangan serta konsultasi bersama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi menambah bilangan Pegawai Kebajikan Masyarakat. Permohonan pertambahan perjawatan ini telah dikemukakan kepada JPA untuk pertimbangan dan kelulusan. Ia melibatkan juga pertambahan jawatan di peringkat Ibu Pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM), Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri (JKMN), Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) dan juga institusi-institusi di bawah JKM. Diharapkan dengan pertambahan perjawatan ini dapat menyelesaikan isu-isu yang tertunggak.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN
[ROMPIN]**

TARIKH : 5 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

Dato' Sri Hasan Bin Ariffin [Rompin] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah-langkah pro aktif serta tindakan yang perlu diambil oleh Kementerian bagi mengatasi masalah kenaikan peratus golongan tua yang akan timbul nanti. Berapakah Pusat Aktiviti Warga Emas yang telah dibina dan adakah Kementerian bercadang untuk membina satu Parlimen satu Pusat Aktiviti Warga Emas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWK) sedang merangka strategi dan pelan tindakan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) yang akan menjamin kesejahteraan warga emas dan sebagai langkah persediaan awal ke arah Negara Tua pada tahun 2030.

Di antara inisiatif Kementerian/Jabatan dalam agenda pembangunan warga emas adalah seperti berikut:

- i. Menambah baik Pelan Tindakan Warga Emas;
- ii. Menggubal Rang Undang-Undang Warga Emas (RUU Warga Emas);
- iii. Mewujudkan penjagaan warga emas jangka masa panjang (LTC);
- iv. Menggalakkan modul Penjagaan Warga Emas (NOSS); dan
- v. Mewujudkan *age-friendly city* atau bandar mesra usia secara rintis di Taiping Perak.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan mengambil berat berkaitan penyediaan infrastruktur dan kemudahan kepada warga emas di mana ia turut terkandung dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) di bawah Strategi B5: Menambahbaik Persekitaran Warga Emas di mana usaha bersepadu akan diambil untuk meningkatkan kualiti hidup warga emas dengan menyediakan infrastruktur mesra warga emas dan menambah baik khidmat penjagaan.

Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) merupakan tempat bagi warga emas menjalankan aktiviti harian dalam komuniti. Ianya merupakan satu perkhidmatan bercorak pendampingan sosial dan pembangunan kepada

SOALAN NO. : 15

warga emas yang melibatkan kerjasama strategik antara Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

Sebanyak RM17.0 juta telah diperuntukkan di bawah RMKe-11 bagi memperluaskan dan menubuhkan PAWE baharu menjelang tahun 2030 dengan sasaran bagi memperluaskan penubuhan PAWE di 222 kawasan parlimen bagi menangani isu penuaan. Sehingga kini, terdapat 132 PAWE sedia ada di 120 parlimen yang mempunyai keahlian sebanyak 42 ribu orang ahli di seluruh Malaysia.

Pada tahun 2020 sebanyak RM1.5 juta diperuntukkan bagi membolehkan penubuhan 13 PAWE baharu dan menjadikan jumlah keseluruhan PAWE tahun 2020 sebanyak 145 PAWE merangkumi 133 Parlimen dan masih terdapat 89 Parlimen lagi yang belum ditubuhkan PAWE.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

TARIKH : 5 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilakah Kementerian akan melaksanakan peningkatan bantuan kebajikan JKM dinaikkan ke RM1,000 seperti yang dicadangkan oleh Perdana Menteri semasa PRN Sabah. Berapa jumlah penerima akan mendapat manfaat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada 30 Ogos 2020, YAB Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan cadangan kenaikan kadar bantuan daripada RM200 hingga RM300 kepada RM1,000 dengan tujuan untuk memenuhi keperluan asas dan meringankan beban penerima bantuan.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah mengadakan beberapa siri perbincangan dan sesi libat urus bersama pihak Kementerian Kewangan berkaitan cadangan YAB Perdana Menteri Malaysia bagi kenaikan kadar bantuan JKM tersebut.

Sehubungan dengan itu, KPWKM telah mengemukakan cadangan kenaikan kadar bantuan JKM dalam permohonan Dasar Bajet Kementerian tahun 2021 kepada Kementerian Kewangan untuk pertimbangan dan kelulusan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
[SEGAMPUT]**

TARIKH : 5 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

Puan Hannah Yeoh Tseow Suan [Segambut] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah keputusan Kerajaan selepas Perdana Menteri mengusulkan bantuan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat yang ketika ini berjumlah antara RM200 dan RM300 dinaikkan kepada RM1,000 di Sabah baru-baru ini. Bilakah akan dilaksanakan, apakah implikasi kewangan dan berapakah anggaran penerima bantuan baharu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada 30 Ogos 2020, YAB Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan cadangan kenaikan kadar bantuan daripada RM200 hingga RM300 kepada maksimum RM1,000 dengan tujuan untuk memenuhi keperluan asas (*basic needs*) dan meringankan beban penerima bantuan.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah mengadakan beberapa siri perbincangan dan sesi libat urus bersama pihak Kementerian Kewangan berkaitan dengan cadangan YAB Perdana Menteri Malaysia bagi kenaikan kadar bantuan.

Sehubungan itu, KPWKM telah mengemukakan cadangan kenaikan kadar bantuan JKM dalam Dasar Bajet Kementerian bagi tahun 2021 untuk perhatian dan pertimbangan Kementerian Kewangan.